



Sebahagian daripada tokoh ulama yang membentangkan kertas kerja pada seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

“Islam adalah agama terbuka untuk semua manusia dan setiap pernyataan hukum serta fatwanya mestilah yang relevan dengan tuntutan semasa ummah.”

berkaitan terus dengan kehidupan manusia sejagat, khususnya umat Islam. Kata beliau, Allah memilih Rasulullah s.a.w. sebagai rasul-Nya adalah untuk menjelaskan mengenai agama Islam. Usaha itu tegasnya, diteruskan kepada sahabat dan ta'ibie sehingga kepada alim ulama semasa dengan menjadikan al-Quran, al-sunah, dan qias sebagai sumber rujukan mutlak. Bagaimanapun pada zaman kini kita perlu mengetahui dan mahir bahasa Arab untuk arif serta memahami al-Quran dan nas dengan ilmunya sahaja tidak memadai. “Sebaliknya para ulama dan mufti mesti faham, mengikuti serta mahir dengan isu-isu semasa yang penting dan terlibat dengan soal batasan hukum hakam Islam,” tegas beliau lagi. Ini kerana kata Ahmad, mengemukakan fatwa bukan hanya untuk kebaikan dan kepentingan umat Islam semata-mata tetapi ia melibatkan kemanusiaan keseluruhannya.



DR. ABDUL HAMID OTHMAN

Oleh itu tambahnya, adalah penting peranan usrah bagi ulama dan cendekiawan Islam di seluruh dunia sama ada dari negara Islam mahupun Eropah untuk berdiskusi. Ulama juga kata Ahmad yang turut membentangkan kertas kerja bertajuk, Manhaj Fatwa Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah, perlu tawaduk dan menjawab perkara-perkara yang difahami sahaja. Sebabnya, tugas ulama adalah untuk memudahkan bukan menyukarkan ummah serta berani mempertahankan syariat Islam walaupun tidak popular. Mengenai mufti dan ulama Majlis Fatwa Kebangsaan, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustafa Abdul Rahman berkata, sehingga Oktober 2006, lebih 200 fatwa dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK). Unikunya di Malaysia kata beliau, ada dua badan fatwa berautoriti dengan manhaj yang tersendiri dalam menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa. Selain MJFK, Malaysia ada Jawa-



MUSTAFA ABDUL RAHMAN

tankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia (JFK). Bezanya jelas Mustafa, fatwa oleh JFK atas arahan Majlis Raja-Raja manakala fatwa MJFK bergantung pada persetujuan bersama ahli-ahlinya bagi menangani masalah semasa ummah mengikut negeri-negeri. “Sebab itu daripada 25 orang mufti yang terdapat di dunia sekarang, 14 daripadanya adalah di Malaysia,” katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan’ pada seminar tersebut. Dalam hubungan ini, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman ketika berucap merasmikan seminar dua hari itu menegaskan pentingnya para ulama melebarkan keilmuan masing-masing dalam pelbagai disiplin. Malah katanya, para ulama dan mufti dituntut untuk lebih peka dan arif dengan isu semasa agar sesuatu fatwa dapat diputuskan supaya meratabat dan imej Islam terus berkembang dan terpelihara.



Apa kata ulama


Dr. K.H Ma'aruf Amin, Timbalan Ketua Majlis Ulama Indonesia: “Memberi fatwa bukanlah perkara mudah yang dapat dilakukan oleh semua orang. Ia merupakan kerja paling sulit, mempunyai risiko besar dan sangat berat yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah s.w.t. Sebab itu prasyaratnya sungguh ketat lagi berat untuk setiap pengeluar fatwa.”




Dr. Uthman El-Muhammadi, Fellow Amat Utama Akademik ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM): “Institusi memberi fatwa adalah institusi paling pokok pewaris kenabian bagi memberi panduan kepada umat dalam menerangkan hukum Allah s.w.t.. Untuk itu peribadi mufti dan penguasaan ilmu-ilmunya mestilah yang tertinggi.”



Datuk Wan Zahidi Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan: “Tugas kefatwaan adalah tanggungjawab besar dan penting dalam Islam, kerana mufti menurut Imam Syafie adalah mengambil tempat Rasulullah s.a.w. dalam menjelaskan hukum Allah s.w.t.”



Dr. Saadeldin Mansour-Gasmelsid, UIAM: “Islam untuk semua. Fatwa, hukum dan ijihad berterasaskan al-Quran dan sunah tinggalkan para imam terdahulu sesuai untuk keperluan ummah dengan masalah di zaman itu.”



Prof. Dr. Muhammad Uthman Syubair dari Universiti Qatar: “Setiap fatwa mestilah tidak terkeluar dari ketetapan al-Quran dan al-sunah yang harus disesuaikan dengan permasalahan manusia sezaman.”